

**GARIS PANDUAN**  
**PEMINDAHAN KREDIT SECARA MENDATAR (*HORIZONTAL*)**

\* Untuk kegunaan pelajar UKM yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjanamuda sahaja

1. “**Pemindahan Kredit Secara Mendatar**” bererti pemindahan kredit daripada satu program pengajian ke program pengajian yang lain pada tahap pengajian yang sama dan mendapat kelulusan Fakulti/Pusat. Contohnya:
  - a) Pelajar bertukar program pengajian dari dalam atau luar Universiti; atau
  - b) Pelajar yang menyertai program mobiliti; atau
  - c) Pelajar bertukar program pengajian / Fakulti yang lain di UKM kecuali pelajar berstatus **Gagal Berhenti** (PGB);
2. Syarat pemindahan kredit secara mendatar adalah seperti berikut:
  - a) Hasil pembelajaran dan/atau kandungan kursus yang dipadankan dalam kedua-dua program itu mestilah mempunyai persamaan **tidak kurang daripada 80%**;
  - b) Pelajar yang hendak memindahkan kredit satu-satu kursus mestilah mendapat gred tidak kurang dari C;
  - c) Pemindahan kredit yang dipohon hendaklah tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan;
  - d) Kredit yang dipindahkan hendaklah daripada program yang mendapat akreditasi daripada Agensi Kelakayan Malaysia (MQA), badan professional berautoriti atau agensi jaminan kualiti di negara berkenaan dan telah diluluskan oleh Senat Universiti tersebut;
  - e) Tiada had pindah kredit ditetapkan tetapi pelajar adalah tertakluk kepada tempoh pemastautin bagi tujuan pindah kredit iaitu satu (1) semester.
3. Kredit dikira dalam kredit bergraduat pelajar dan gred kursus diambil kira dalam pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK).
4. Fakulti/Pusat berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu dalam bentuk temu duga atau peperiksaan khas. Kelulusan permohonan pemindahan kredit mendatar akan disahkan di dalam mesyuarat fakulti.
5. Keputusan permohonan akan dimaklumkan terus kepada pelajar oleh Fakulti/Pusat yang meluluskan dan disalinkan kepada Pusat Pengurusan Akademik sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa diadakan pada semester berkenaan. Permohonan selepas tempoh tersebut, gred akan dimasukkan dalam keputusan peperiksaan semester berikutnya.